

29/11/2000

Persatuan kesal isu Sekolah Wawasan jadi bahan kempen

KUALA LUMPUR, Selasa - Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia dan Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (Dong Jiao Zong) kesal kerana isu Sekolah Wawasan digunakan sebagai bahan kempen dalam pilihan raya kecil Lunas.

Penasihatnya, Datuk Sim Mou Yu berkata, isu Sekolah Wawasan tidak harus dijadikan alat meraih undi kerana dalam pilihan raya, kemampuan calon dan parti harus diutamakan.

Katanya, isu konsep Sekolah Wawasan adalah `ciptaan' kerajaan dan sekarang pemimpin kerajaan menyalahkan orang lain tidak menyokong konsep Sekolah Wawasan dan bersekongkol dengan pembangkang.

"Konsep Sekolah Wawasan hanya akan dipersetujui jika kerajaan mengubah Akta Pendidikan 1996 dengan menjadikan bahasa Melayu pelajaran wajib untuk semua sekolah berlainan aliran menggantikan penggunaannya sebagai bahasa pengantara," katanya.

Beliau diminta mengulas mengenai laporan menyatakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa dengan balasan yang diterima daripada sesetengah kumpulan seperti Dong Jiao Zong yang dikatakan menyokong pembangkang pada pilihan raya kecil Lunas.

(END)